

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 2 (31)

13 Februari 2023
22 Rejab 1444H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL 7/2023

PENGGUNAAN *TAGLINE* BAHARU DAN COGAN KATA PADA FORMAT SURAT RASMI UTM

Dengan segala hormatnya dimaklumkan, pihak Pengurusan Universiti telah bersetuju untuk menukar *tagline* sedia ada kepada yang baharu. *Tagline* ini adalah seperti yang telah dimurnikan semasa Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 oleh Yang Berbahagia Datuk Naib Canselor. *Tagline* tersebut adalah seperti berikut:

Tagline baharu (versi Bahasa Melayu)

Menginovasi Penyelesaian

Tagline baharu (versi Bahasa Inggeris)

Innovating Solutions

Tagline sebelum ini:

inovatif . entrepreneurial . global

Penjelasan dan keterangan *tagline* baharu:

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah universiti terkemuka yang menawarkan perkhidmatan pendidikan dan penyelidikan bertaraf dunia. Bagi mencapai hasrat ini, UTM memastikan perkhidmatan akademik dan penyelidikan yang ditawarkan adalah selaras dengan keperluan industri dan masyarakat dengan **Menginovasi Penyelesaian** untuk mengatasi cabaran nasional dan global.

Tagline baharu ini berperanan dalam menyokong Visi dan Misi UTM serta Pelan Strategi enVision UTM 2025 dalam memposisikan UTM sebagai Universiti Penyelidikan perdana dan tersohor dalam bidang tujahan Sains, Teknologi dan Kejuruteraan yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat melalui penemuan dan penciptaan ilmu baharu.

Tagline UTM yang baharu ini juga diharap dapat menginspirasi warga UTM untuk lebih berani meneroka penyelesaian yang dapat dinikmati oleh manusia sejagat.

Spesifikasi *tagline* :

1. Jenis font yang digunakan adalah ***Calibri Bold Italic***
2. Semua perkataan yang digunakan adalah terdiri daripada huruf pertama dalam huruf besar, huruf seterusnya dalam huruf kecil (*sentence case*).

Contoh:

Innovating Solutions (versi Bahasa Inggeris)

Menginovasi Penyelesaian (versi Bahasa Malaysia)

3. Saiz *font* adalah mengikut kesesuaian reka bentuk.
4. Untuk urusan surat menyurat seperti surat rasmi (pada kepala surat), emel, memo dan sebagainya, warna *font* adalah hitam.

Kaedah penggunaan *tagline* dan cogan kata:

Penggunaan *tagline* “***Menginovasi Penyelesaian***” pada penutupan surat rasmi sebelum penanda akuan dan tandatangan pengirim adalah tidak dibenarkan kerana *tagline* Universiti ini akan bercetak pada bahagian bawah kepala surat (*letterhead*) yang baharu.

Penggunaan cogan kata “Berkhidmat untuk Negara” untuk urusan surat menyurat kepada pihak luar UTM dan “Berkhidmat untuk Negara kerana Allah” pada penutupan surat rasmi untuk urusan surat menyurat dalaman perlu dikekalkan seperti berikut:

Surat menyurat kepada pihak luar

“Berkhidmat untuk Negara” (Cogan kata)

Saya yang menjalankan amanah, (Penanda Akuan)

(Tandatangan Pengirim)

.....

(Nama Pengirim)

Surat menyurat untuk kegunaan dalaman

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah” (Cogan kata)

Saya yang menjalankan amanah, (Penanda Akuan)

(Tandatangan Pengirim)

.....

(Nama Pengirim)

Tarikh kuat kuasa penggunaan *tagline* tersebut adalah pada **2 Februari 2023** iaitu bersamaan dengan tarikh Majlis Amanat Tahun Baharu 2023. Pekeliling ini seterusnya membatalkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 7/2012 – Penggunaan Cogan Kata pada Surat Rasmi UTM bertarikh 15 Februari 2012 yang dikeluarkan sebelum ini.

Sehubungan dengan itu, dipohon seluruh warga UTM agar mengemaskini *tagline* terkini pada setiap format kepala surat (*letterhead*) yang dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



NOR AZIZAH BINTI ISMAIL

Pendaftar

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah